

302

SOALAN NO: 517

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN BERTULIS
MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEENAM,
PARLIMEN KETIGA BELAS,
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN: BERTULIS

DARIPADA: TUAN WONG TIEN FATT @ WONG NYUK FOH

SOALAN:

Tuan Wong Tien Fatt @ Wong Nyuk Foh [Sandakan] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan peluang pekerjaan yang diwujudkan di seluruh Sabah dari tahun 2012 hingga 2017 dengan pecahan daerah, sektor pekerjaan dan jumlah peluang pekerjaan diwujudkan, khususnya di Sandakan.

PR-1361-T02095

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

1. Bagi makluman Dewan Yang Mulia ini, sebanyak 629,869 peluang pekerjaan yang diwujudkan di seluruh Sabah dari tahun 2012 hingga 2017.

Tuan Yang Di Pertua,

2. Peluang Pekerjaan di Daerah Sandakan bagi tempoh 2012 hingga 2017 adalah seperti berikut:

Peluang Pekerjaan di Daerah Sandakan bagi tempoh 2012 hingga 2017

Jenis Pekerjaan	2012	2013	2014	2015	2016	2017
Pegawai Kanan Dan Pengurus	121	109	111	121	87	95
Profesional	234	218	221	259	261	231
Juruteknik Dan Profesional Bersekutu	59	90	87	78	83	172
Pekerja Perkeranian	2,010	2,483	2,534	3,494	3,112	2,539
Pekerja Perkhidmatan. Pekerja Kedai Dan Jurujual	2,456	2,577	3,544	3,322	3,996	3,675
Pekerja Pertukangan Dan Yang Berkaitan	23	12	38	94	77	85

Operator Loji Dan Mesin Dan Pemasang	454	344	323	244	493	584
Pekerja Asas	5,546	5,343	4,987	3,395	4,045	3,975
JUMLAH	10,903	11,176	11,845	11,007	12,154	11,356

Sumber : Jabatan Tenaga Kerja Sabah, Kementerian Sumber Manusia.

SOALAN (518)**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, PARLIMEN MALAYSIA**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : YB TUAN WONG TIEN FATT @ WONG NYUK
FOH
[SANDAKAN]**

SOALAN :

YB TUAN WONG TIEN FATT @ WONG NYUK FOH [SANDAKAN] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan statistik pekerjaan mengikut sektor di Sabah mengikut daerah. Nyatakan gaji purata setiap sektor pekerjaan di Sandakan.

306

JAWAPAN :-

Tuan Yang di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Jabatan Perangkaan Malaysia melaksanakan Survei Tenaga Buruh bagi mendapatkan anggaran tenaga buruh, guna tenaga dan pengangguran. Survei ini ialah kajian berkebarangkalian yang dilaksanakan melalui pendekatan isi rumah mengikut piawaian yang ditetapkan oleh badan antarabangsa iaitu *International Labour Organization (ILO)*.

Jabatan Perangkaan Malaysia juga melaksanakan Survei Gaji & Upah melalui pendekatan isi rumah bagi mendapatkan maklumat berkaitan indikator utama gaji & upah bulanan pekerja bergaji daripada pekerjaan utama. Kedua-dua survei ini dijalankan menggunakan kaedah temu ramah bersemuka meliputi kawasan bandar dan luar bandar setiap negeri di Malaysia.

Survei Gaji & Upah dilaksanakan secara tahunan bermula 2010. Penengah dan purata gaji & upah merujuk kepada gaji pokok, elaun-elaun tetap yang diterima dan bayaran kerja lebih masa.

Berdasarkan maklumat tersebut, penduduk bekerja mengikut sektor, Sabah, separuh tahun pertama 2017 adalah seperti di **Jadual 1**. Manakala purata gaji & upah bulanan (pekerja) mengikut strata dan sektor bagi negeri Sabah (Warganegara), 2016 adalah seperti di **Jadual 2**.

Jadual 1: Penduduk bekerja mengikut sektor, Sabah, separuh tahun pertama 2017 (H1/2017)

(‘000)

Sektor	Jumlah	Pertanian	Perlombongan & Pengkuarian	Pembuatan	Pembinaan	Perkhidmatan
H1/2017	1,774.9	535.1	17.1	149.5	145.1	928.2

Sumber: Survei Tenaga Buruh, Jabatan Perangkaan Malaysia

Jadual 2: Purata gaji & upah bulanan (pekerja) mengikut strata dan sektor, Sabah (Warganegara), 2016

RM

Negeri	Strata	Jumlah	Pertanian	Perlombongan & Pengkuarian	Pembuatan	Pembinaan	Perkhidmatan
Sabah	Jumlah Purata	2,224	1,903	4,137	1,487	1,570	2,369

Sekian, terima kasih.

Mac 2018